KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	28.01.22 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	SURUHANJAYA TENAGA			

Tarif baharu elektrik tak membebankan

Dungun: Kadar tarif baharu elektrik yang akan diumumkan tidak lama lagi tidak akan membebankan rakyat yang masih terkesan susulan penularan COVID-19.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata tarif baharu elektrik bagi tahun ini sehingga 2024 sudah diputuskan dan akan diumumkan dalam masa terdekat.

"Saya sudah berbincang dalam Kabinet sebanyak enam kali berturut-turut. Alhamdulillah, semalam (kelmarin) kita memuktamadkan dan akan umum dalam masa terdekat.

"Kita akan melaksanakan IBR (Kawal Selia Berasaskan Insentif) dan RP3 2022-2024 (Tempoh Regulatori Ketiga IBR) pada 1 Februari ini, jadi anda boleh teka bila kita akan umumkan.

"Suruhanjaya Tenaga akan umumkan tetapi saya boleh bagi gambaran, ia tidak sama sekali membebankan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Projek Large Scale Solar (LSS) 29.99 MWac Kenyir Gungkul Solar Sdn Bhd di Paka, di sini, semalam.

Terdahulu, majlis perasmian itu disempurnakan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar.



Ahmad Samsuri (kiri) bersama Takiyuddin (kanan) melawat projek solar berkapasiti 29.99 MWac di Kampung Tok Arun Mukim Kuala Paka, semalam. (Foto BERNAMA)

Takiyuddin berkata, sistem solar fotovolta yang dijanakan oleh sumber semula jadi itu lebih mesra alam kerana ia dapat mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida seterusnya membantu mengurangkan tahap penipisan lapisan ozon.

"Kerajaan turut menyeru kepada syarikat tenaga solar yang lain untuk sama-sama membangunkan teknologi supaya kita dapat membantu melestarikan alam sekitar dengan lebih luas untuk manfaat bersama," katanya.

BH 280122_3